

08 JUL 1999

Mahkamah-Anwar (Ganas)

MUSA: SUKMA TIDAK BUAT LAPORAN TENTANG KEGANASAN POLIS TERHADAPNYA

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Sukma Darmawan Sasmitaat Madja tidak pernah membuat laporan polis bahawa polis telah bertindak ganas terhadapnya sehingga beliau terpaksa mengaku Datuk Seri Anwar Ibrahim telah meliwatnya, Mahkamah Tinggi diberitahu hari ini.

Pegawai penyiasat kanan SAC I Musa Hassan berkata, sehingga hari ini, pemilik butik itu tidak membuat sebarang laporan polis berhubung dakwaannya bahawa sepasukan anggota polis yang diketuai C/Insp Sampornak Ismail telah bertindak ganas ketika menjalankan soal siasat terhadapnya.

Musa berkata, orang lain juga tidak membuat laporan berhubung perkara itu.

Beliau berkata demikian ketika disoal semula oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Azahar Mohamed pada perbicaraan dalam perbicaraan untuk menentukan kesahihan pengakuan Sukma yang dibuat kepada Hakim Mahkamah Sesyen Abdul Karim Abdul Jalil bahawa dia diliwat abang angkatnya, Anwar.

Musa adalah saksi pertama pendakwa untuk menyangkal dakwaan Sukma bahawa beliau telah dipaksa membuat pengakuan itu.

Sukma, 38, dan Anwar, 51, sedang menghadapi dakwaan meliwat Azizan Abu Bakar, bekas pemandu peribadi isteri Anwar di unit 10-7-2, Apartmen Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar di sini, pukul 7.45 malam, antara bulan Januari dan Mac 1993.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Sukma juga didakwa bersubahat dengan Anwar melakukan perbuatan itu terhadap Azizan di tempat dan pada masa yang sama.

Azahar mengemukakan soalan itu kepada Musa selepas peguam Anwar, Karpal Singh membangkitkan persoalan keganasan polis terhadap orang yang disyaki dalam tahanan reman semasa soal balas.

Karpal Singh telah menyoal sama ada Musa menyedari bahawa "terdapat laporan mengenai kekasaran polis terhadap orang yang disyaki malahan bekas ketua polis negara memukul Anwar" dan Musa berkata; "Saya sedar mengenai perkara itu."

Menjawab satu lagi soalan Karpal Singh, Musa berkata beliau juga menyedari bahawa soal siasat tidak dijalankan terhadap Sukma dalam tempoh 24 jam pertama beliau ditahan oleh Sampornak dan pasukannya.

Beliau berkata pada 16 Sept 1998, ASP Mohamed Rodwan Mohd Yusof yang membantunya dalam siasatan kes itu telah memberitahu bahawa pengakuan Sukma akan diambil pada esoknya.

Katanya satu kenyataan lain juga telah diambil daripada Sukma dalam bentuk rakaman video tetapi Mohamed Rodwan tidak memberitahu beliau sama ada ianya mengikut Seksyen 112 atau 113 Kanun Prosedur Jenayah.

Musa berkata kenyataan Sukma itu hanya diambil dalam bentuk rakaman video dan tidak dalam bentuk tulisan dan mengakui cadangan Karpal Singh bahawa perkara itu adalah sesuatu yang baru.

Ketika disoal Azahar berhubung perkara itu, Musa berkata kenyataan Sukma diambil secara rakaman video bagi menolak tohmahan bahawa polis telah menyuruh beliau mereka-reka keterangan.

Musa juga berkata beliau tidak tahu Sukma telah disoal-siasat selama 80 jam oleh Sampornak dan pasukannya semasa berada dalam tahanan polis.

Beliau bersetuju dengan cadangan Karpal Singh bahawa Sukma adalah seorang yang pemalu dan penahanan seperti itu mungkin traumatik baginya tetapi menegaskan perkara itu bergantung kepada persepsi seseorang.

Katanya lagi, seseorang yang pemalu seperti Sukma lebih mudah terganggu jiwanya.

Kepada soalan lain, beliau pasti bahawa siasatan rapi tidak dijalankan berhubung tohmahan terhadap Anwar, bekas timbalan perdana menteri dan bekas menteri kewangan dalam tahun 1997.

Pada peringkat ini, Karpal Singh memberi amaran supaya Musa bercakap benar kerana beliau telah memberi keterangan berhubung perkara itu pada perbicaraan kes rasuah Anwar.

Bagaimanapun, Musa tetap dengan jawapannya bahawa beliau pasti siasatan rapi tidak dijalankan pada tahun 1997.

Musa juga bersetuju bahawa beliau ada mencadangkan kepada Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah untuk tidak mengambil tindakan lanjut dalam kes itu dan menutup fail tanpa membuat siasatan rapi.

Beliau berkata siasatan rapi sepatutnya dibuat sebelum membuat cadangan itu.

Hakim Datuk Arifin Jaka yang mendengar kes itu ingin tahu mengapa soalan-soalan itu dikemukakan oleh Karpal Singh yang menjawab ianya untuk menunjukkan kredibiliti saksi berkenaan.

Musa berkata Mohtar telah bersetuju dengan cadangan beliau untuk menutup fail kes itu.

Beliau berkata kes itu dibuka semula pada bulan Jun 1998 selepas setiausaha sulit Anwar, Mohamed Azmin Ali membuat satu laporan polis berkaitan buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM."

Katanya pada 1997 beliau berpangkat SAC II dan dinaikkan ke pangkat SAC I pada tahun 1998 ketika Anwar dibicarakan untuk tuduhan rasuah.

Karpal Singh kemudian berkata Musa mengalami kenaikan pangkat yang cepat.

Musa yang disoal semula berhubung kenaikan pangkatnya oleh Azahar, menjelaskan bahawa perkara itu dikendalikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Polis dan sepanjang pengetahuannya, terdapat kenaikan pangkat daripada SACII kepada SACI dalam tempoh kurang dari setahun.

Kepada soalan lain, Musa berkata sungguhpun siasatan kes tohmahan terhadap Anwar belum selesai sepenuhnya pada tahun 1997, beliau mencadangkan kes itu ditutup kerana diarahkan berbuat demikian oleh Anwar.

Katanya, pada masa itu, beliau dipanggil oleh Anwar ke pejabatnya dan Anwar telah memberikannya surat Ummy Hafilda Ali dan Azizan yang menyatakan bahawa mereka menarik balik tohmahan terhadap Anwar.

Beliau berkata semasa menyerahkan surat itu, Anwar mengarahkan supaya siasatan kes itu ditutup kerana mendakwa tohmahan terhadapnya tidak berasas.

Musa memberitahu mahkamah bahawa pada masa itu, beliau tidak tahu keadaan-keadaan bagaimana surat-surat itu disediakan dan ditandatangani oleh Ummy Hafilda dan Azizan.

Ummy Hafilda adalah adik Azmin yang menulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" yang mengandungi dakwaan salahlaku seksual Anwar, dan turut memuatkan kenyataan bersumpah Azizan bahawa dia diliwat Anwar. Surat itu telah dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Musa berkata beliau hanya mengetahui bagaimana surat itu ditandatangani oleh mereka semasa beliau menjalankan siasatan pada bulan Jun 1998 berkaitan buku 50 Dalil.

Katanya beliau mengenali Mohamed Noor Don yang mewakili Sukma di Mahkamah Sesyen pada 19 Sept 1998, semasa peguam itu bertugas sebagai pegawai polis tetapi mereka tidak rapat.

Selepas Mohamed Noor menjadi peguam, adiknya pernah menggunakan khidmat peguam itu.

Musa berkata beliau tidak tahu siapa yang membayar yuran guaman Mohamed

Noor atau sama ada beliau dibayar atau tidak, kerana mewakili Sukma.

Pada 19 Sept tahun lepas, Sukma didakwa membenarkan Anwar meliwatnya dan dijatuhi hukuman penjara enam bulan setelah mengaku bersalah.

Bagaimanapun, dalam keterangannya, Sukma mendakwa beliau telah dijanjikan dengan hukuman ringan jika mengaku bersalah pada hari berkenaan.

Musa menolak cadangan Karpal Singh bahawa beliau membenarkan Mohamed Noor bertemu dengan Sukma di pejabatnya di Bukit Aman kerana peguam itu bekas pegawai polis dan Musa mahu beliau bertindak sebagai peguam Sukma.

Katanya beliau ada memberitahu Sukma, jika Sukma masih mahu mengekalkan K.Ganeson sebagai peguamnya, beliau akan menghubungi peguam itu.

Beliau berkata Sukma dibenarkan bertemu peguamnya selepas siasatan terhadapnya selesai dan peguam yang ditemuinya sehari sebelum dia dituduh di Mahkamah Sesyen adalah Mohamed Noor.

Kepada soalan lain, Musa berkata beliau tahu Sukma telah diperiksa pakar patologi dari Hospital Kuala Lumpur Dr Zahari Noor dan beberapa keping gambar telah diambil.

Bagaimanapun, beliau tidak tahu sama ada gambar-gambar itu, yang dianggap memalukan oleh Karpal Singh, akan digunakan dalam prosiding itu.

Musa berkata Mohamed Rodwan ada menyerahkan satu salinan pengakuan Sukma kepadanya dan beliau menganggap pengakuan itu sebagai satu bahan bukti dalam siasatannya berhubung kes berkenaan.

Beliau turut menafikan bahawa di Bukit Aman terdapat apa yang dikatakan sebagai sel kurungan bersendirian.

Berhubung dakwaan Sukma bahawa beliau hanya berseluar dalam semasa dimasukkan ke dalam lokap nombor 8, Musa berkata diari stesen menunjukkan pemilik butik itu berpakaian lengkap dan dibekalkan ubat untuk penyakit asma yang dihidapinya.

Sebelum itu, ketika disoal peguam Sukma, Jagdeep Singh Deo, Musa menafikan bahawa beliau telah menyediakan laporan polis yang dibuat Sukma secara bertaip dan Sukma hanya menyalin dokumen itu dalam tulisan tangannya.

Selepas mahkamah berhenti rehat selama 15 minit pada sesi pagi, Karpal Singh mengadu kepada Arifin bahawa pembelaan menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi dengan Anwar kerana beliau dikawal ketat oleh enam pegawai yang mengiringinya.

Bagaimanapun, Arifin menjemput pihak pendakwaan dan pembelaan menyelesaikan perkara itu dalam kamarnya, yang memakan masa kira-kira 20 minit sebelum perbicaraan diteruskan semula.

-- BERNAMA

SBB RON